



NOTIS MAKLUMAN

PANEL INSURANS/ TAKAFUL LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA) PENGGAL 10/2026 SEHINGGA 2029 BAGI PENYEDIAAN PERLINDUNGAN INSURANS/ TAKAFUL GADAI JANJI (MRTT/ MRTA) DAN PEMILIKAN RUMAH JANGKA PANJANG (LTHO)

LPPSA telah melantik panel insurans/ takaful baharu bagi penyediaan perlindungan MRTT/MRTA dan LTHT/LTHO bagi penggal 10/2026-2029 berkuat kuasa 4 Oktober 2026. Senarai panel adalah seperti berikut:

Skim Pembiayaan Perumahan Secara Islam		
No.	MRTT	LTHT (<i>Partner</i>)
1	AmMetLife Takaful Berhad	Takaful Ikhlas General Berhad
2	Etiqa Family Takaful Berhad	Etiqa General Takaful Berhad
3	FWD Takaful Berhad	Etiqa General Takaful Berhad
4	Great Eastern Takaful Berhad	Etiqa General Takaful Berhad
5	Hong Leong MSIG Takaful Berhad	Takaful Ikhlas General Berhad
6	Sun Life Malaysia Takaful Berhad	Takaful Ikhlas General Berhad
7	Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad
8	Zurich Takaful Malaysia Berhad	Takaful Ikhlas General Berhad
9	Takaful Ikhlas Family Berhad	Takaful Ikhlas General Berhad

Skim Pembiayaan Perumahan Secara Konvensional		
No.	MRTA	LTHO (<i>Partner</i>)
1	Etiqa Life Insurance Berhad	Etiqa General Insurance Berhad
2	Sun Life Malaysia Assurance Berhad	Etiqa General Insurance Berhad

Manfaat Perlindungan

- a. Manfaat Perlindungan Insurans/ Takaful Gadai Janji (MRTT/ MRTA)
 1. Kematian; dan
 2. Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK)
- b. Manfaat Perlindungan Insurans/ Takaful Pemilikan Rumah Jangka Panjang (LTHO/LTHT)

Pemohon mempunyai fleksibiliti dalam memilih pakej perlindungan yang bersesuaian dengan keperluan setiap pemohon, sama ada perlindungan Pakej Asas atau Pakej Komprehensif. Pakej perlindungan yang berbeza akan mempengaruhi amaun premium/ sumbangan ditawarkan.

1. Perlindungan Minimum Pakej Asas*
 - i. Kebakaran;
 - ii. Kilat; dan
 - iii. Letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik
2. Perlindungan Minimum Pakej Komprehensif*
 - i. Kebakaran
 - ii. Kilat
 - iii. Letupan gas yang digunakan bagi tujuan domestik
 - iv. Banjir
 - v. Pecah atau melimpah tangki air atau paip
 - vi. Ribut dan taufan
 - vii. Gempa bumi dan letusan gunung berapi
 - viii. Mendapan tanah dan tanah runtuh
 - ix. Kerosakan akibat pokok atau dahan pokok dan objek yang jatuh

** Maklumat di atas telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Pemohon dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Penerangan Produk yang terdapat di dalam sistem semasa permohonan bagi skop perlindungan sebenar.*

Berkuat kuasa mulai 4 Oktober 2026, semua pembiayaan yang diluluskan pada atau selepas tarikh tersebut akan tertakluk kepada terma dan syarat perlindungan serta amaun premium/ sumbangan di bawah panel insurans/ takaful baharu bagi penggal 10/2026 –2029. Pemakaian terma dan syarat baharu ini adalah berdasarkan tarikh kelulusan akhir pembiayaan dan tidak mengambil kira tarikh permohonan dikemukakan kepada LPPSA, sama ada secara dalam talian atau secara fizikal.

Ketetapan ini turut terpakai kepada senario berikut:

1. Permohonan atas talian yang mana dokumen fizikal masih belum diterima di Lembaga atau permohonan yang telah lengkap diterima sebelum 4 Oktober 2026 tetapi dalam tempoh pemprosesan, dan
2. Permohonan yang kelulusannya tertangguh atau melangkaui tarikh tersebut disebabkan pertanyaan (query) atau keperluan mendapatkan dokumen, maklumat atau penjelasan tambahan atas apa-apa sebab yang munasabah.

Keputusan LPPSA berhubung perkara ini adalah muktamad dan sebarang rayuan untuk menggunakan terma, skop perlindungan atau amaun premium/ sumbangan terdahulu tidak akan dipertimbangkan.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

29 SEPTEMBER 2026